

HALA TUJU PENGURUSAN GELANDANGAN PASCA COVID 19

MUHAMMAD NOR AMIR BIN ABDUL RAHMAN

m.noramir98@gmail.com

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

DR FATIMAH YUSRO HASHIM

wardatun@ukm.edu.my

Fakulti Undang-Undang

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kelestarian hidup setiap peringkat masyarakat adalah bergantung kepada bagaimana masyarakat tersebut meneladani undang-undang dan hukum syarak dalam menjalani kehidupan. Golongan gelandangan sebagai contohnya, merupakan antara golongan yang berisiko tinggi apabila pandemik Covid 19 melanda dunia. Hal ini demikian kerana golongan ini terpaksa bersesak di rumah perlindungan atau di jalanan serta tidak mempunyai akses tetap kepada kemudahan asas untuk tujuan membersihkan diri. Penulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti dua perkara, pertama tentang kedudukan gelandangan sebagai kelas yang dilindungi serta mengenal pasti hak-hak yang dimiliki oleh mereka, dan kedua untuk mengkaji penguatkuasaan perundangan yang berkaitan dengan golongan gelandangan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui temu bual terfokus dengan pihak-pihak terbabit untuk mendapatkan maklumat berkenaan tahap pengurusan gelandangan di negara ini. Kaedah perpustakaan juga diguna pakai untuk meneliti kajian sedia ada dan kes-kes berkenaan permasalahan yang wujud berkenaan gelandangan di negara ini. Hasil kajian mendapati Akta 183 mempunyai kelemahan dan ketidakcekapan yang ketara dalam melindungi golongan gelandangan. Kajian mendapati peruntukan yang disediakan oleh Akta 183 ini sudah lapuk dan tidak lagi relevan untuk digunakan pada masa kini. Malah, pengkaji juga mendapati bantuan baitulmal atau badan-badan berkaitan terbabit adalah tidak mencukupi dan badan-badan yang menyelenggara golongan gelandangan ini terpaksa mencari dana dari sumber yang lain. Di akhir penulisan ini, didapati bahawa perundangan dan polisi berkenaan pengurusan gelandangan di Malaysia masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan memerlukan penambahbaikan yang bersesuaian. Oleh itu, penyelidik telah mencadangkan solusi yang bersesuaian terutamanya berkenaan cadangan penambahbaikan kepada kelompok yang ada dalam Akta Orang Papa (Akta 183).

Kata kunci: Pengurusan, gelandangan, Covid-19

1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Kamus Dewan tahun 2005, gelandangan berasal daripada perkataan Indonesia iaitu ge-lan-dang atau kata kerjanya bergelandang yang bermaksud berjalan ke sana sini tidak tentu tujuannya manakala Dewan Bahasa dan Pustaka pula mentafsirkan gelandangan sebagai orang yang pekerjaannya tidak tetap dan tidak tentu tempat kediamannya. Dalam Bahasa Inggeris, perkataan yang dapat dikaitkan dengan gelandangan ialah 'vagrant' atau 'homeless' di mana maksud umumnya ialah tiada tempat perlindungan. Ringkasnya gelandangan merupakan sekelompok daripada masyarakat yang tiada rumah dan mereka biasanya ada di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Terdapat beberapa factor yang menyebabkan mereka ini menjadi golongan gelandangan. Antaranya ialah masalah institusi keluarga yang tidak terurus, kemiskinan, masalah mental, kehilangan pekerjaan atau kediaman, masalah moral dan beberapa factor lain. Majoriti daripada golongan gelandangan ini tidak mempunyai pekerjaan tetapi ada sebahagian daripada mereka ini mempunyai pekerjaan tetapi hanya menerima gaji yang rendah.

Pada ketika ini, terdapat beberapa perundangan yang mengawal selia kebajikan golongan gelandangan iaitu Akta 183 Orang-Orang Papa 1977, Akta 506 Pusat Jagaan 1993, Akta Perlindungan Kanak-Kanak 2001 dan Dasar Perlindungan Kanak-Kanak. Jabatan Kebajikan Masyarakat meletakkan gelandangan dibawah kategori iaitu sebagai orang papa. Definisi orang papa ada disebut dalam Akta 183 iaitu:

(a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau

(b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan

Antara inisiatif yang diperuntukkan kerajaan melalui akta ini adalah penubuhan rumah-rumah perlindungan seperti Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Anjung Singgah Kuala Lumpur. Pemberian bantuan seperti zakat atau Bantuan Sara Hidup (BSH) juga ada diberikan kepada golongan ini melalui pembukaan kaunter permohonan di pusat-pusat perlindungan. Badan-badan bukan kerajaan seperti Pertiwi Soup Kitchen juga aktif membantu golongan gelandangan di sekitar ibu kota Kuala Lumpur melalui aktiviti pemberian makanan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

Pada akhir tahun 2019, dunia dikejutkan dengan kemunculan satu virus korona yang baru di Wuhan China yang kemudiannya dikenali sebagai Penyakit Korona Virus 2019 (Covid 19) atau nama saintifiknya *nCoV-2019*. Pada Januari 2020, Malaysia telah menjumpai pesakit pertama yang dijangkiti dan sehingga kajian ini ditulis, Malaysia telah mencatat lebih 25,000 kes positif seluruh negara. Pertubuhan kesihatan sedunia telah mengistiharkan bahawa virus ini merupakan satu pandemik berdasarkan penilaian pertubuhan tersebut akan kesan virus ini terhadap negara di seluruh dunia. Sehubungan daripada itu, Malaysia telah mengisytiharkan perintah kawalan pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac untuk mengawal peningkatan kes yang berlaku di Malaysia. Perintah Kawalan Pergerakan ini telah terbahagi kepada pelbagai fasa berbeza mengikut tahap peningkatan kes yang berlaku di negara ini. Fasa tersebut adalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN). Selain itu, kerajaan juga mengenakan hukuman kepada mereka yang ingkar kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sepanjang

perintah kawalan pergerakan seperti RM1,000 untuk mereka yang tidak memakai pelitup muka di tempat awam. Peningkatan kes yang ketara berlaku di beberapa negeri seperti Sabah, Kedah, Kuala Lumpur dan Selangor pada akhir September 2020 sehingga Oktober 2020 menyebabkan negeri-negeri tersebut terpaksa kepada diisytiharkan PKP.

Golongan gelandangan yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap merupakan antara golongan yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada jangkitan *Covid 19*. Hal ini demikian kerana golongan ini terpaksa hidup berhimpit di rumah perlindungan atau jalanan dan tidak mempunyai akses tetap kepada kemudahan asas untuk tujuan membersihkan diri. Selain itu, penularan jangkitan dalam kalangan gelandangan adalah lebih tinggi kerana golongan ini sering bergerak ke pelbagai tempat dan sukar dikesan untuk tujuan pemberian rawatan. Maka, kerajaan telah membina pusat perlindungan sementara ketika PKP dilaksanakan untuk mengumpulkan golongan gelandangan ini di satu tempat bagi mengurangkan kebolehjangkitan dalam kalangan gelandangan.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat semula penafsiran makna orang papa yang diperuntukan dalam Akta 183. Hal ini demikian kerana gelandangan menurut beberapa pandangan adalah tidak wajar untuk diletakkan dibawah satu kategori yang sama sebagai orang papa. Hal ini demikian kerana dikatakan gelandangan ini adalah tidak berkeliaran sehingga menyebabkan gangguan terhadap ketenteraman atau kesejahteraan kepada orang awam tetapi mereka ini hanya menjalani kehidupan mengikut tahap kemampuan mereka pada ketika itu. Maka kajian ini ingin melihat kepada keperluan akan wujudnya satu definisi baru yang menjelaskan makna orang papa dengan lebih tepat. Seterusnya Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun juga ada menyatakan bahawa Akta 183 ini akan dikaji semula dengan kerjasama beberapa agensi. Maka pengkaji ingin mengkaji aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan sekiranya kajian semula ini dilaksanakan. Antaranya ialah keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Akta 183 sekaligus kepada permasalahan yang wujud di dalam akta tersebut. Contohnya, sebagaimana yang diceritakan di perenggan sebelumnya, menteri boleh menubuhkan pusat perlindungan bagi tujuan pemulihan dan perlindungan dan perkara ini telah dilakukan semasa PKP dilaksanakan. Namun begitu, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana pihak berkuasa boleh menahan golongan gelandangan di pusat perlindungan ini menurut Akta 183. Selain itu pengkaji ingin melihat kepada impak pelaksanaan beberapa peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang PKP ini terhadap golongan gelandangan. Akhir sekali, pengkaji akan melihat kepada polisi-polisi berkaitan gelandangan di agensi kerajaan yang lain seperti Baitulmal bagi melihat jika wujud sebarang permasalahan yang menyukarkan golongan gelandangan ini dibantu.

Kesimpulannya, pengkaji berpendapat sekiranya kajian ini berjaya dilaksanakan golongan gelandangan akan lebih terbelah. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat aspek-aspek yang dikaji boleh memberikan penambahbaikan terhadap Akta 183 dan juga terhadap pelaksanaan polisi atau dasar yang dilaksanakan kerajaan ke atas golongan gelandangan.

2. PENYATAAN MASALAH

Akta Orang-Orang Papa 1977 bertujuan untuk melindungi, memulihkan dan mengawal golongan orang papa serta kutu rayau bagi mengelakkan sebarang masalah kepada golongan masyarakat yang lain. Akta ini memberikan kuasa kepada pegawai kebajikan masyarakat atau pihak berkuasa tempatan untuk melindungi, mengawal dan melindungi golongan gelandangan. Namun begitu, adakah akta ini benar-benar melindungi golongan gelandangan sebagaimana yang sepatutnya?

Berdasarkan Akta 183, sesiapa sahaja yang dianggap oleh pegawai kebajikan masyarakat atau pihak berkuasa tempatan boleh ditahan sehingga 3 bulan di rumah kebajikan dan penahanan tersebut boleh dipanjangkan sehingga 3 tahun dengan perintah majistret. Tindakan ini sememangnya berjaya untuk “membersihkan” ibu kota daripada golongan gelandangan dan membantu golongan ini mendapatkan keperluan yang mereka inginkan. Namun begitu, kebaikan ini juga menyebabkan golongan gelandangan ini kehilangan hak-hak asasi mereka. Malah, mereka yang cuba melarikan diri juga akan dikenakan hukuman penjara untuk maksima 3 tahun. Tindakan ini seolah-olah mengatakan golongan gelandangan ini merupakan penjenayah sedangkan mereka ini memerlukan bantuan untuk memulihkan diri mereka dari permasalahan yang sedang dihadapi.

Keadaan sedemikian berlaku kerana Akta 183 merupakan sambungan daripada polisi anti-kemiskinan yang diperkenalkan oleh penjajah di Tanah Melayu pada kurun ke-19 dalam menangani kemiskinan yang berlaku pada ketika itu. Polisi tersebut telah mengalami pelbagai perubahan setelah lebih 100 tahun diperkenalkan. Maka, pengkaji juga berpendapat Akta 183 ini juga perlu dipinda dan disesuaikan dengan keadaan masa kini. Perubahan seperti pengenalan undang-undang untuk menjenayahkan perbuatan mengemis adalah salah satu daripada perubahan yang tidak ingin kita lihat kerana perundangan sedia ada seperti seksyen 420 iaitu perbuatan menipu yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebatan serta denda sekiranya mereka terlibat dalam sindiket penipuan. Maka, kajian ini akan melihat aspek-aspek yang seharusnya dikaji dan dilihat semula untuk penambahbaikan Akta 183 ini.

Bantuan kewangan adalah salah satu bentuk bantuan yang mampu meringankan beban golongan gelandangan atau institusi yang menguruskan gelandangan di Malaysia. Berdasarkan kajian pengkaji sebelum ini, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur hanya menerima bantuan kewangan sebanyak RM35,000 sebulan daripada Baitulmal untuk tujuan pengurusan pusat gelandangan tersebut. Jumlah ini tidak mencukupi dan pusat ini perlu bergantung kepada dana kewangan daripada badan-badan bukan kerajaan yang lain untuk menampung perbelanjaan lain. Selain itu, pengkaji melalui temu bualnya bersama gelandangan juga mendapati golongan gelandangan ini mengalami kesukaran untuk mendapatkan bantuan daripada pihak kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), zakat dan lain-lain bantuan yang berkaitan. Maka ini adalah satu perkara yang agak membimbangkan memandangkan golongan gelandangan secara jelas adalah golongan yang memerlukan bantuan-bantuan daripada kerajaan terutamanya ketika negara ini sedang bergelut dengan penularan penyakit Covid-19. Oleh itu, pengkaji ingin melihat kepada permasalahan yang menyebabkan kesukaran tersebut berlaku dan memahami dasar polisi kerajaan mengenai bantuan terhadap golongan-golongan ini.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati Akta 183 ini memerlukan pindaan bagi membolehkannya masih relevan untuk tahun yang mendatang dan sekaligus lebih berkesan dalam membantu golongan gelandangan. Selain itu, pengkaji ingin mencari punca permasalahan dalam polisi atau dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan yang menyebabkan kepada kesukaran penerimaan bantuan ini kepada golongan gelandangan.

3. METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

Menurut Polit dan Hungler, *Metodologi* bermaksud hal-hal yang berkaitan dengan cara-cara pemerolehan data, penyusunan data dan penganalisan data (Polit & Hungler, 2004). Metodologi yang digunakan dalam sesebuah kajian hendaklah menggunakan teknik yang

sistematik bagi memastikan objektif kajian mampu dicapai. Oleh itu, pengkaji telah memilih teknik kajian yang terbaik untuk menghasilkan kerja kursus ini.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merujuk kepada apa-apa alat, cara, atau kaedah untuk memperoleh atau mengumpul data kajian mengikut konsep yang dengan berkaitan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang. Tujuannya adalah untuk mendapatkan pendapat dan mengkaji isu yang dikaji oleh pengkaji.

Jadual 1: Kaedah Instrumen Kajian

| Kaedah | Instrumen kajian |
|---------------|---|
| Kualitatif | <ol style="list-style-type: none">1. Temu bual berfokus2. Kajian Kepustakaan<ol style="list-style-type: none">a) Aktab) Kesc) Jurnal, artikel, akhbar dan sumber bertulis lain |

Pengkaji akan menemu bual beberapa pihak berkepentingan yang terdiri daripada pensyarah, penguatkuasa, badan bukan kerajaan dan mana-mana pihak yang bersesuaian dalam usaha untuk mengumpul maklumat yang diperlukan. Antara maklumat yang diinginkan ialah mengenai hak-hak yang dilindungi, bantuan yang diterima terutamanya zakat, jenis penguatkuasaan dan polisi sedia ada, pandangan mengenai polisi dan perundangan yang sedang dikuatkuasa dan cadangan yang relevan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah gelandangan. Antara mereka yang akan ditemu bual oleh pengkaji adalah:

1. Dato Munirah selaku pengasas Pertiwi Soup Kitchen.
2. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.
3. Encik Haziq dari Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Mereka ini dipilih kerana mereka merupakan golongan yang mempunyai akses langsung kepada golongan gelandangan. Maka, maklumat yang diperolehi adalah berkredibiliti dan lebih terkini berbanding laporan bertulis. Malah, ia akan membantu pengkaji untuk memahami situasi dengan lebih baik dengan mempunyai kerjasama dengan mereka.

3.3 Kajian literatur

Pengkaji akan meneliti kajian, laporan atau artikel yang mengulas mengenai agihan kutipan zakat dan permasalahannya, penguatkuasa perundangan, pelanggaran hak-hak yang dilindungi dan mana-mana artikel yang bersesuaian dengan skop kajian. Maklumat yang dikumpul akan digunakan sebagai sokongan dan perbandingan terhadap maklumat yang diterima daripada responden temu bual. Pengkaji juga akan mengutarakan idea-idea yang ada dalam artikel, laporan dan sebagainya kepada responden temu bual untuk mendapatkan pandangan mereka akan idea atau kajian tersebut.

3.4 Kajian kes

Pengkaji akan meneliti kes-kes berkaitan gelandangan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai objektif kajian. Kes-kes yang dikaji adalah tidak terhad kepada kes yang berlaku di Malaysia tetapi pengkaji juga akan melihat kepada kes-kes berkaitan gelandangan di luar negara. Maka pengkaji akan membuat kajian perbandingan dengan Amerika kerana mereka

telah mengkaji *Vagrancy Act* mereka dan mendapati masalah yang bertentangan dengan hak-hak asasi. Ini membolehkan perbandingan yang lebih meluas dapat dilaksanakan oleh pengkaji. Namun, pengkaji akan melihat akan fakta kes untuk menyesuaikan kepada keadaan di Malaysia semasa pembuatan cadangan.

3.5 Analisis Maklumat

Terdapat dua kaedah yang akan diguna pakai bagi menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan iaitu kaedah perbandingan dan kaedah analisis kritis. Bagi kaedah perbandingan, pengkaji akan membandingkan maklumat berkenaan pengurusan gelandangan di United Kingdom, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain yang mana akta gelandangannya adalah berdasarkan *Vagrancy Act 1824*. Hal ini demikian kerana, memandangkan pembuatan akta mereka adalah dari sumber yang sama, maka kaedah pengurusan mereka adalah lebih kurang sama. Oleh itu, pengkaji boleh membandingkan keadaan pengurusan gelandangan di negara tersebut.

Seterusnya, maklumat-maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara kritis di mana pengkaji akan mengambil kira kepelbagaian faktor yang boleh mempengaruhi hasil kajian. Pengkaji akan meneliti aspek-aspek pengurusan gelandangan dengan mendalam untuk menghasilkan cadangan yang bersesuaian dengan situasi Malaysia.

4. DAPATAN KAJIAN

4.1 Definisi Gelandangan

Berdasarkan sebuah artikel yang bertajuk *Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A Case of Agenda Denial*, tiada definisi khusus yang mentakrifkan golongan gelandangan di Malaysia dan sekaligus menyebabkan pegawai, penyelidik, pembuat polisi dan lain-lain yang terlibat dalam hal ehwal gelandangan memberikan interpretasi yang berbeza akan definisi gelandangan (Sharifah Mariam & Alifatul Kamillah, 2012). Maka artikel ini telah menggariskan beberapa definisi yang boleh dilihat dan dibincangkan berdasarkan kajian-kajian lampau.

Menurut artikel tersebut, European Federation of National Associations Working with the Homeless (FEANTSA) menyatakan seseorang individu adalah mempunyai rumah sekiranya 3 domain yang digariskan.

1. mempunyai rumah yang memadai untuk seseorang itu menikmati hak eksklusif terhadap rumah tersebut (domain fizikal).
2. boleh melindungi hal-hal privasi dan menikmati hubungan sosial (domain sosial).
3. Mempunyai *legal title* terhadap penempatan tersebut (domain perundangan).

Namun begitu, *City of Calgary Community and Neighbourhood Services* menguna pakai definisi gelandangan yang lebih komprehensif yang terdiri daripada situasi individu yang langsung tidak mempunyai rumah iaitu mereka yang tinggal di jalanan atau pusat-pusat kebajikan. Selain itu, situasi yang mengancam perumahan seperti bakal dihalau keluar dan situasi perumahan yang tidak berkualiti seperti rumah yang terlalu using juga diambil kira dalam pendefinisian gelandangan.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, pengkaji berpendapat bahawa situasi gelandangan di Malaysia adalah bersesuaian dengan beberapa definisi di atas. Gelandangan di Malaysia adalah boleh didefinisikan sebagai mereka yang tidak mempunyai akses kepada tempat tinggal, mempunyai tempat tinggal tetapi kediaman tidak menepati akan kriteria kediaman yang sesuai atau berisiko akan kehilangan tempat tinggal. Seterusnya, mereka yang ditempatkan di

penempatan sementara juga masih boleh dikatakan tergolong dalam golongan gelandangan selagi mana mereka tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

Namun begitu, Akta Orang Papa (Akta 183) melalui seksyen 2 mendefinisikan gelandangan seperti berikut:

“orang papa” ertinya—

(a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau pun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau

(b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Berdasarkan seksyen 2 ini, gelandangan adalah ditafsirkan sebagai orang papa iaitu golongan yang mengemis, menyebabkan kacau ganggu dalam kalangan masyarakat atau mereka yang berpeleseran. Sebagaimana yang dapat dilihat, definisi ini tidak menyebut sama sekali berkenaan situasi perumahan yang dihadapi golongan gelandangan. Ini adalah berbeza dengan *Housing Act 1996 United Kingdom* yang mendefinisikan gelandangan seperti berikut:

(1) Seseorang itu adalah gelandangan jika dia tidak mempunyai tempat tinggal untuk penginapannya, di United Kingdom atau di tempat lain, yang mana dia—

(a) berhak menduduki berdasarkan kepentingan di dalamnya atau berdasarkan perintah mahkamah,

(b) mempunyai lesen tersurat atau tersirat untuk menduduki, atau

(c) menduduki tempat kediaman berdasarkan undang-undang atau sebarang undang-undang yang memberikannya hak untuk tetap menginap atau undang-undang menyekat hak orang lain untuk mendapatkannya kembali .

(2) Seseorang juga adalah gelandangan jika dia mempunyai tempat tinggal tetapi—

(a) dia tidak mempunyai sebarang jaminan untuk berjaya masuk ke dalam penginapannya, atau

(b) ia terdiri dari struktur bergerak, kenderaan atau kapal yang direka atau diubahsuai agar menjadi tempat tinggal manusia dan tidak ada tempat di mana dia berhak atau diizinkan untuk meletakkannya dan tinggal di dalamnya.

Sebagaimana yang dapat dilihat melalui definisi di atas, *Housing Act 1996* ini menjelaskan keadaan atau situasi yang manakah yang menyebabkan seseorang itu menjadi gelandangan. Seterusnya, mereka yang tergolong dalam definisi yang dimaksudkan hanya perlu membuktikan sedemikian sebagaimana yang diperuntukkan dalam *Homeless Act United Kingdom* bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan perumahan sekiranya layak. *Nanti refer kebaikan penggunaan definisi yang terus menjelaskan keadaan gelandangan di UK.*

Namun begitu, definisi gelandangan di Malaysia adalah bersifat pukul rata dimana gelandangan juga boleh dianggap sebagai pengemis dan pengemis juga boleh dianggap sebagai golongan gelandangan.

4.2 Hak-hak asasi

Merujuk kepada artikel jurnal yang bertajuk *Imperatives of care and control in the regulation of homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: 1880s to present* yang ditulis oleh Rayna M Rusenko, terdapat beberapa perkara penting yang mengagalkan Akta 183 ini dalam menyelesaikan masalah gelandangan di Malaysia (Rusenko, *Imperatives of care and control in the regulation of homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: 1880s to present*, 2017). Permasalahan utama yang diceritakan oleh penulis adalah berkenaan pelanggaran hak-hak asasi yang dimiliki oleh golongan gelandangan seperti hak kepada harta, kebebasan untuk bergerak, hak kepada perlindungan yang sama rata dan pelbagai lagi. Dapatan ini adalah disokong dalam laporan yang dikeluarkan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) pada tahun 2018 yang juga menggariskan pelanggaran hak-hak asasi golongan ini. Situasi pelanggaran hak-hak asasi golongan ini mendorong beberapa artikel lain seperti *Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Human Rights Report 2013: Civil And Political Rights* (SUARAM, 2013) dan *Homelessness, Begging, and The Destitute Persons Act 1977: Policy Paper*, (Rusenko, 2015) yang mencadangkan supaya akta ini dimansuhkan penggunaannya.

Hak kepada Kebebasan Diri (Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan)

Hak kepada kebebasan diri memberi jaminan bahawa tiada rakyat yang akan ditangkap atau ditahan sewenang-wenangnya tanpa bukti atau alasan yang kukuh. Malah hak ini memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memilih gaya atau cara hidup yang diinginkan selagimana dalam ruang lingkup yang dibenarkan undang-undang. Namun begitu, kegiatan menahan golongan gelandangan seterusnya menempatkan mereka ini di pusat-pusat kebajikan tanpa kerelaan mereka menyebabkan golongan gelandangan tidak dapat menikmati hak mereka ke atas hak kebebasan diri tersebut. Akta 183 membolehkan pihak polis menahan sesiapa sahaja yang dirasakan sebagai seorang gelandangan dan seterusnya menempatkan mereka ini rumah jagaan dengan alasan kebajikan. Yang lebih teruk, mereka yang menentang boleh dikenakan hukuman penjara.

Hak kepada kebebasan untuk bergerak (Perkara 9 Perlembagaan Persekutuan)

Golongan gelandangan menghabiskan kebanyakan daripada masa mereka di kawasan-kawasan awam. Hal ini bukan kerana mereka suka duduk di tempat-tempat seperti stesen bas, Lorong-lorong pejalan kaki dan sebagainya tetapi ini disebabkan oleh mereka ini tiada kemampuan untuk mempunyai tempat peribadi mereka sendiri. Maka, operasi yang dilaksanakan dibawah Akta 183 yang menyasarkan mereka untuk menjauhkan mereka dari tempat-tempat awam ini adalah dikatakan telah menghalang kebebasan mereka untuk bergerak.

Hak kepada harta (Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan)

Pegawai penguatkuasa semasa melaksanakan Operasi Gelandangan, kadang-kadang enggan membenarkan golongan gelandangan untuk membawa barang mereka bersama mereka dan Alam Flora yang dikontrakkan untuk membersihkan kotak kadbod, beg dan barang-barang lain kepunyaan gelandangan orang semasa operasi sering membuang harta peribadi golongan gelandangan tersebut.. Orang yang ditahan reman pusat dan rumah kebajikan juga mempunyai harta dirampas atau hilang tanpa kebenaran. Sesungguhnya, kehilangan harta benda peribadi boleh mendatangkan kerugian, terutamanya kerana ia sering merangkumi keperluan seperti kertas pengenalan diri, rekod kesihatan, ubat, maklumat hubungan penting, dan sebagainya.

5. KESIMPULANNYA

Jika Akta ini ingin dipinda, permasalahan hak-hak asasi perlu dipertimbangkan. Namun begitu, pertimbangan sewajarnya akan dakwaan pelanggaran hak-hak asasi ini hendaklah

dilaksanakan. Hal ini demikian kerana hal berkenaan golongan gelandangan ini tidak hanya melibatkan kelompok gelandangan sahaja tetapi ia melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Dari sudut pandangan seorang gelandangan, adalah tidak adil bahawa dia tidak dibenarkan berada di tempat awam, ditempatkan di tempat perlindungan dan sebagainya. Tetapi sekiranya kita melihat dari sudut pandang masyarakat yang bukan gelandangan, keadaan rupa gelandangan yang kurang menyenangkan akan memberikan rasa tidak selesa kepada kebanyakan masyarakat maka wajar mereka ini dijauhkan terutamanya di tempat-tempat tumpuan ramai. Bagi kerajaan pula, penempatan dipusat pula adalah untuk memulihkan mereka daripada belenggu gelandangan.

Malah, pendefinisian golongan gelandangan ini juga perlu diteliti sebaik mungkin bagi memastikan permasalahan gelandangan ini boleh diselesaikan dengan sebaik mungkin. Penggunaan pendefinisian yang bersifat pukol rata yang digunapakai pada ketika ini jelas tidak memberikan kesan yang positif kepada pengurusan gelandangan di negara ini. Malaysia boleh mengguna pakai model yang dilaksanakan di United Kingdom melalui Housing Act.

Akhir sekali, bilangan golongan gelandangan di Malaysia adalah dijangka meningkat pada pasca Covid-19 disebabkan oleh tekanan ekonomi yang amat kuat pada ketika ini. Maka, pengurusan gelandangan di negara ini perlu ditambah baik bagi memastikan kesejahteraan golongan gelandangan terus terjamin.

6.RUJUKAN

Polit, D., & Hungler, B. (2004). *Nursing research-principle and methods*. Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins.

Rusenko, R. M. (2015). *Homelessness, Begging, and The Destitute Persons Act 1977: Policy Paper*. Florida International University: Kuala Lumpur Committee to Address Homelessness and Poverty (KL-CAHP) .

Rusenko, R. M. (2017). Imperatives of care and control in the regulation of homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: 1880s to present. *Urban Studies Journal Limited*, 1 - 19.

Sharifah Mariam, A., & Alifatul Kamilah, A. M. (2012). Homelessness in Kuala Lumpur, Malaysia: A Case of Agenda Denial. *International Journal of Social Science Tomorrow*, 1-9.

SUARAM, S. R. (2013). *Human Rights Report 2013: Civil And Political Rights*. Kuala Lumpur: SUARAM.